

18 NOV 1998

APEC-BERITA-ANGGOTA/I

DR M: ANGGOTA BARU APEC TIDAK BERI MASALAH KPD KUMPULAN

Oleh: Arshi Mohd Daud

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Penambahan keanggotaan Apec dengan memasukkan Russia, Peru dan Vietnam tidak akan memberi masalah kepada kumpulan ekonomi serantau itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya tidak rasa mereka akan memberi masalah. Saya rasa pengalaman mereka akan memberi banyak faedah kepada Apec," katanya kepada sidang akhbar di akhir sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Dr Mahathir berkata kesemua 21 anggota Apec mahu keanggotaan ditambah tetapi ia menyedari bahawa "jika mempunyai terlalu ramai anggota, ia akan menjadi sukar untuk bergerak."

Anggota Apec ketika ini, katanya, tidak mencerminkan keseluruhan Lingkaran Pasifik kerana banyak negara yang masih tidak menyertainya.

"Tetapi kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana jika mempunyai terlalu banyak (anggota), kita tidak boleh berfungsi. Anggota yang sudah berada dalam kumpulan ini, saya rasa mereka telah banyak memberi sumbangan," tegasnya.

Mengulas mengenai ketiga-tiga anggota baru itu, beliau berkata Rusia merasakan ia mempunyai banyak persamaan dengan keseluruhan ekonomi forum serantau itu terutama dengan Asia Timur.

"Perdana Menteri Rusia Yevgeny Primakov menyifatkan perbincangan Apec sangat berguna," kata Dr Mahathir.

Mengenai Vietnam, beliau berkata negara itu sangat berminat untuk menjadi sebahagian daripada keseluruhan kumpulan dan ia percaya penerimaan itu akan menjadi sangat berguna untuk menonjolkan negara itu ke arena antarabangsa.

"Bagi Peru pula, Presiden Alberto Fujimori merasakan penyertaannya dalam proses Apec adalah sangat berfaedah," tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AD ZK MA